

Bil. S 93

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))**

PERINTAH AKTA SYARIKAT-SYARIKAT KEWANGAN (PINDAAN), 2006

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 2 dari Penggal 89.
 3. Pindaan bab 3.
 4. Pindaan bab 5.
 5. Pindaan bab 6.
 6. Pindaan bab 7.
 7. Pindaan bab 20.
 8. Pemasukan bab-bab 23A dan 23B baru.
 9. Pindaan bab 24.
 10. Pindaan bab 26.
 11. Pindaan bab 27.
 12. Penggantian bab 33.
 13. Pemasukan bab 33A baru.
 14. Pindaan bab 39.
 15. Pindaan bab 40.
 16. Tambahan bab 44 baru.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA SYARIKAT-SYARIKAT KEWANGAN (PINDAAN), 2006

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (3) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Syarikat-Syarikat Kewangan (Pindaan), 2006.

Pindaan bab 2 dari Penggal 89.

2. Bab 2 dari Akta Syarikat-Syarikat Kewangan, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda —

(a) dengan memotong takrifan "wang simpanan" dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

" "deposit" bermakna sejumlah wang yang diterima atau dibayar atas syarat-syarat —

(a) yang di bawahnya wang itu akan dibayar balik, dengan atau tanpa faedah atau pada suatu premium atau diskaun; atau

(b) yang di bawahnya wang itu boleh dibayar balik, sama ada seluruhnya atau sebahagiannya, dengan apa-apa balasan dengan wang atau yang boleh dinilai dengan wang,

pembayaran balik itu adalah sama ada apabila dituntut atau pada suatu masa atau mengikut hal keadaan yang dipersetujui oleh atau bagi pihak orang yang membuat pembayaran itu dan orang yang menerimanya, tidak kira sama ada transaksi itu diperihalkan sebagai suatu pinjaman, kemudahan kredit, pendahuluan, pelaburan, simpanan, jualan atau jualan dan belian semula, tetapi tidak termasuk wang yang dibayar secara *bona fide* —

- (i) sebagai pendahuluan atau pembayaran sebahagian di bawah suatu kontrak bagi penjualan, penyewaan atau penyediaan lain harta atau perkhidmatan, dan hanya boleh dibayar balik sekiranya harta atau

perkhidmatan itu tidak sebenarnya dijual, disewa, ataupun selainnya disediakan;

- (ii) sebagai jaminan bagi pelaksanaan suatu kontrak atau sebagai jaminan berkaitan dengan sebarang kerugian yang mungkin berpunca dari suatu kontrak yang tidak dilaksanakan;
- (iii) tanpa menjejaskan perenggan kecil (ii), sebagai jaminan bagi penyerahan atau pengembalian sebarang harta, sama ada dalam keadaan baik yang tertentu ataupun selainnya;"

(b) dalam takrifan "syarikat kewangan", dengan memasukkan "atau perniagaan pembiayaan Islam" sejurus selepas "perniagaan urusan kewangan" dalam baris ketiga;

(c) dengan memasukkan takrifan baru yang berikut sejurus selepas takrifan "perniagaan urusan kewangan" —

" "perniagaan pembiayaan Islam" bermakna perniagaan pembiayaan yang tujuan dan operasinya tidak melibatkan sebarang unsur yang tidak dibenarkan oleh Hukum Syara'";

Pindaan bab 3.

3. Bab 3 dari Akta itu adalah dipinda, dalam cerai (1), dengan memasukkan "atau perniagaan pembiayaan Islam" sejurus selepas "perniagaan urusan kewangan" dalam baris-baris pertama dan kelima.

Pindaan bab 5.

4. Bab 5 dari Akta itu adalah dipinda, dalam cerai (1), dengan memasukkan "atau perniagaan pembiayaan Islam" sejurus selepas "perniagaan kewangan" dalam baris-baris kedua dan ketiga.

Pindaan bab 6.

5. Bab 6 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam cerai (1), dengan memasukkan "atau perniagaan pembiayaan Islam" sejurus selepas "perniagaan urusan kewangan" dalam baris ketiga;

(b) dalam cerai (2) —

- (i) dengan memotong "dan" dari penghujung perenggan (e);
- (ii) dengan memotong noktah dari perenggan (f) dan menggantikannya dengan "; dan";
- (iii) dengan menambah perenggan baru yang berikut —

"(g) dalam hal perniagaan pembiayaan Islam, bahawa syarikat kewangan itu akan mematuhi ajaran Ugama Islam, dan bahawa penyediaan yang betul akan dibuat dalam dokumen penubuhan syarikat kewangan itu bagi lantikan, dan pemberian nasihat oleh, badan penasihat Syariah yang berkenaan."

Pindaan bab 7.

6. Bab 7 dari Akta itu adalah dipinda dengan memotong "\$1,000,000" dari baris terakhir dan menggantikannya dengan "\$25,000,000".

Pindaan bab 20.

7. Bab 20 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam cerai (1), dengan memasukkan "atau perniagaan pembiayaan Islam" sejurus selepas "perniagaan kewangan" dalam baris terakhir;

(b) dalam cerai (2), dengan memasukkan "atau perniagaan pembiayaan Islam" sejurus selepas "perniagaan urusan kewangan" dalam baris terakhir.

Pemasukan bab-bab 23A dan 23B baru.

8. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan 2 bab baru yang berikut sejurus selepas bab 23 —

"Larangan untuk memberi kemudahan kredit kepada pengarah dan pegawai.

23A. (1) Melainkan jika dikecualikan oleh Menteri secara bertulis dengan atau tanpa syarat, atau kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah cerai-cerai (2) atau (3), tiada syarikat kewangan boleh memberi sebarang kemudahan kredit kepada —

(a) mana-mana pengarah atau pegawainya atau mana-mana orang lain yang menerima ganjaran daripadanya (selain daripada mana-mana akauntan, peguambela, arkitek, ejen harta tanah, doktor dan mana-mana orang lain yang menerima ganjaran daripadanya berkaitan dengan perkhidmatan profesionalnya);

(b) mana-mana badan korporat atau bukan perbadanan, firma atau keempunyaan tunggal, di mana mana-mana pengarah atau pegawainya adalah seorang pengarah atau pengurus, atau yang baginya mana-mana pengarah atau pegawainya adalah seorang penjamin atau ejen;

(c) mana-mana syarikat di mana mana-mana pengarah atau pegawainya mempunyai apa-apa kepentingan ke atas saham-saham syarikat itu; atau

(d) mana-mana orang yang baginya mana-mana pengarah atau pegawainya telah memberi sebarang jaminan atau akujanji lain apa pun yang melibatkan liabiliti kewangan.

(2) Suatu syarikat kewangan boleh memberi kepada mana-mana pegawainya atau pengarah eksekutifnya —

(a) sebarang kemudahan kredit yang diperuntukkan di bawah skim perkhidmatannya; atau

(b) jika peruntukan tersebut tidak ada dan syarikat kewangan itu berpuas hati bahawa terdapat hal keadaan khas atau belas kasihan, suatu kemudahan kredit tidak melebihi pada mana-mana satu masa —

(i) 6 bulan ganjaran pegawai atau pengarah eksekutif itu; atau

(ii) ganjarannya bagi suatu tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Menteri,

dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh syarikat kewangan itu.

(3) Peruntukan-peruntukan —

(a) perenggan (a) ceraian (1) tidaklah boleh dikenakan kepada pemberian sebarang kemudahan kredit kepada suami atau isteri, anak atau ibu atau bapa seseorang pegawai, termasuk seseorang pengarah eksekutif, syarikat kewangan itu bagi membeli sebuah rumah kediaman; dan

(b) perenggan (c) cerai (1) tidaklah boleh dikenakan kepada pemberian sebarang kemudahan kredit oleh suatu syarikat kewangan sesebuah syarikat di mana tiada seorang pun daripada pengarah-pengarah atau pegawai-pegawai syarikat kewangan itu mempunyai apa-apa kepentingan material ke atas saham-saham syarikat itu.

(4) Dalam bab ini —

(a) "pengarah" atau "pegawai" termasuk seorang suami atau isteri, anak atau ibu atau bapa kepada pengarah atau pegawai itu; dan

(b) Menteri hendaklah menyatakan apakah yang menjadikan suatu kepentingan material ke atas saham-saham sesebuah syarikat.

Pendedahan kepentingan oleh pengarah.

23B. (1) Tiap-tiap pengarah suatu syarikat kewangan yang mempunyai dengan apa jua cara, sama ada secara langsung atau tidak langsung, apa-apa kepentingan ke atas suatu pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit atau pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit yang dicadangkan daripada syarikat kewangan itu hendaklah dengan seberapa segera yang boleh mengisytiharkan secara bertulis jenis kepentingan itu kepada lembaga pengarah, dan setiausaha syarikat kewangan itu atau pegawai lain yang dilantik olehnya bagi maksud itu hendaklah menyebabkan supaya satu salinan pengisytiharan tersebut diedarkan dengan serta-merta kepada semua pengarah.

(2) Kehendak-kehendak cerai (1) tidak akan dikenakan jika —

(a) kepentingan mana-mana pengarah hanya mengandungi sebagai seorang pengarah, pegawai atau ahli suatu badan korporat atau bukan perbadanan, atau seorang pengarah atau pegawai suatu keempunyaan tunggal atau suatu firma yang mempunyai kepentingan ke atas suatu pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit atau pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit yang dicadangkan daripada syarikat kewangan itu; dan

(b) kepentingan pengarah itu boleh dianggap sebagai sangat kecil.

(3) Bagi maksud-maksud cerai (1), suatu notis am yang diberikan kepada lembaga pengarah suatu syarikat kewangan oleh seseorang pengarah yang bermaksud bahawa dia adalah seorang pengarah, pegawai atau ahli badan korporat atau bukan perbadanan itu, atau seorang pengarah atau pegawai keempunyaan tunggal atau firma yang diberikan atau dicadangkan hendak diberikan kemudahan kredit adalah suatu pengisytiharan

kepentingan yang mencukupi berkenaan dengan kemudahan kredit itu atau kemudahan kredit yang dicadangkan itu jika —

(a) notis itu menyatakan jenis dan takat kepentingannya ke atas badan korporat atau bukan perbadanan, keempunyaan tunggal atau firma itu;

(b) kepentingannya tidak berbeza jenisnya atau besar takatnya dari jenis dan takat yang dinyatakan dalam notis itu pada masa sebarang pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit dibuat; dan

(c) notis itu diberikan pada mesyuarat lembaga pengarah atau pengarah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa notis itu dikemukakan dan dibaca pada mesyuarat lembaga pengarah yang akan datang setelah notis itu disampaikan kepada tiap-tiap pengarah.

(4) Tiap-tiap pengarah suatu syarikat kewangan yang memegang sebarang jawatan atau memiliki apa-apa harta di mana, secara langsung atau tidak langsung, kewajipan-kewajipan atau kepentingan mungkin diwujudkan bercanggahan dengan kewajipan-kewajipan atau kepentingannya sebagai seorang pengarah syarikat kewangan itu, hendaklah mengisytiharkan pada mesyuarat lembaga pengarah syarikat kewangan itu hal dia memegang jawatan tersebut atau memiliki harta itu dan jenis, sifat dan takat percanggahan itu.

(5) Pengisytiharan yang disebut dalam cerai (4) hendaklah dibuat pada mesyuarat pertama pengarah-pengarah yang diadakan —

(a) setelah dia menjadi seorang pengarah syarikat kewangan itu; atau

(b) jika dia telah pun menjadi seorang pengarah, setelah dia mula memegang jawatan tersebut atau memiliki harta itu.

(6) Setiausaha syarikat kewangan itu atau pegawai lainnya yang disebut dalam cerai (1) hendaklah merekodkan sebarang pengisytiharan yang dibuat di bawah bab ini dalam minit mesyuarat di mana pengisytiharan itu dibuat atau di mana pengisytiharan itu dikemukakan dan dibaca.

(7) Mana-mana pengarah yang melanggar cerai (1) atau (4) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$50,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali."

Pindaan bab 24.

9. Bab 24 dari Akta itu adalah dipinda, dalam cerai (1) —

(a) dalam perenggan (a), dengan memasukkan "atau keuntungan" sejurus selepas "faedah" dalam baris pertama;

(b) dalam perenggan (d), dengan memasukkan ", keuntungan" sejurus selepas "faedah" dalam baris-baris pertama dan ketiga.

Pindaan bab 26.

10. Bab 26 dari Akta itu adalah dipinda, dalam cerai (2), dengan memasukkan "atau syarikat kewangan itu tidak menjalankan perniagaan pembiayaan Islamnya menurut arahan badan penasihat Syariah" sejurus selepas "piutang-piutangnya yang lain" dalam baris ketujuh.

Pindaan bab 27.

11. Bab 27 dari Akta itu adalah dipinda, dalam cerai (1), dengan memasukkan "atau bercanggah dengan Hukum Syara' berkenaan dengan perniagaan pembiayaan Islam" sejurus selepas "syarikat kewangan itu" dalam 4 tempat di mana perkataan-perkataan "syarikat kewangan itu" terdapat.

Penggantian bab 33.

12. Bab 33 dari Akta itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

"Pembatalan kelayakan pengarah atau pegawai syarikat kewangan.

33. (1) Tanpa menjejaskan sebarang apa pun yang terkandung dalam Akta Syarikat (Penggaj 39), tiada sesiapa pun boleh dilantik atau dipilih, atau menerima lantikan atau pemilihan, sebagai seorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang bersangkutan-paut dalam pengurusan suatu syarikat kewangan —

(a) jika dia menjadi bankrap, menggantung pembayaran, atau menyelesaikan hutang dengan pemiutang-pemiutangnya, sama ada di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam;

(b) jika suatu pertuduhan kerana suatu kesalahan jenayah berkenaan dengan ketidakjujuran, penipuan atau keganasan telah dibuktikan terhadapnya di mana-mana mahkamah di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam;

(c) jika telah dibuat terhadapnya sebarang perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau pengusiran, atau jika telah dikenakan kepadanya sebarang bentuk sekatan atau pengawasan dengan bon ataupun selainnya, di bawah sebarang undang-undang berkenaan dengan pencegahan jenayah, atau tahanan kerana keselamatan bagi pencegahan jenayah atau pengedaran dadah, atau kediaman terhad, atau buang negeri atau imigresen; atau

(d) jika dia telah menjadi pengarah, atau secara langsung bersangkut-paut dalam pengurusan, mana-mana perbadanan yang digulung atau telah digulung oleh sesebuah mahkamah atau pihak berkuasa lain yang layak berbuat demikian di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam, atau mana-mana syarikat kewangan, yang lesennya telah dibatalkan di bawah Akta ini.

(2) Kecuali dengan kebenaran Menteri, tiada sesiapa pun yang tertakluk kepada pembatalan kelayakan di bawah perenggan (d) cerai (1), boleh —

(a) dilantik atau dipilih, atau menerima lantikan atau pemilihan; atau

(b) dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun dalam cerai (3), meneruskan jawatannya,

sebagai seorang pengarah, pengurus, setiausaha, atau pegawai lain yang terlibat dalam pengurusan mana-mana syarikat kewangan.

(3) Jika seseorang yang menjadi pengarah, pengurus, setiausaha, atau pegawai yang bersangkut-paut dalam pengurusan suatu syarikat kewangan, menjadi tertakluk kepada sebarang pembatalan kelayakan yang disebutkan dalam cerai (1), dia hendaklah dengan serta-merta berhenti memegang jawatan, dan syarikat kewangan itu hendaklah dengan serta-merta menamatkan lantikannya atas kedudukan tersebut.

(4) Sementara menunggu keputusan prosiding jenayah di mana-mana mahkamah atas sebarang kesalahan yang disebut dalam perenggan (b) cerai (1) terhadap mana-mana orang yang menjadi seorang pengarah, pengurus, setiausaha, atau pegawai lain yang bersangkut-paut dalam pengurusan suatu syarikat kewangan, orang itu tidaklah boleh bertindak atas kedudukan tersebut, atau memegang sebarang jawatan lain, atau bertindak atas sebarang kedudukan lain, di dalam syarikat kewangan itu, atau dengan apa jua cara, sama ada secara langsung atau tidak langsung bersangkut-paut dengan, atau mengambil bahagian atau terlibat dalam, sebarang aktiviti, urusan atau perniagaan apa pun atau berkenaan dengan syarikat kewangan itu, kecuali sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Menteri, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan olehnya.

(5) Bagi maksud cerai (4), prosiding jenayah yang disebut di dalamnya hendaklah dianggap sebagai belum diputuskan dari tarikh orang yang kena tuduh itu mula-mula dituduh di mahkamah atas kesalahan itu sehingga tarikh keputusan muktamad prosiding tersebut, sama ada di dalam mahkamah yang mempunyai bidang kuasa asal atau, sekiranya terdapat sebarang rayuan oleh mana-mana pihak, di dalam mahkamah yang mempunyai bidang kuasa rayuan muktamad.

(6) Mana-mana orang yang melanggar cerai-cerai (1) hingga (4) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$50,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dari 5 tahun atau kedua-duanya sekali."

Pemasukan bab 33A baru.

13. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 33 —

"Kebenaran pengarah dll. syarikat kewangan.

33A. (1) Tiada syarikat kewangan boleh melantik seseorang sebagai pengarahnya melainkan jika —

(a) syarikat kewangan itu telah menyampaikan kepada Menteri suatu notis secara bertulis yang menyatakan bahawa ia bercadang hendak melantik orang itu ke suatu jawatan tertentu dan mengandungi butir-butir sebagaimana yang mungkin ditetapkan; dan

(b) Menteri telah, sebelum habis tempoh 3 bulan dari tarikh penyampaian notis itu, memberitahu syarikat kewangan itu secara bertulis bahawa tiada terdapat bantahan terhadap perlantikan orang itu ke jawatan tertentu itu atau tempoh tersebut luput tanpa suatu notis bantahan secara bertulis disampaikan oleh Menteri kepada syarikat kewangan itu.

(2) Suatu notis di bawah perenggan (a) cerai (1) hendaklah mengandungi suatu pernyataan yang ditandatangani oleh orang yang dicadangkan untuk dilantik bahawa notis itu disampaikan dengan pengetahuan dan persetujuannya.

(3) Menteri boleh membantah orang yang dicadangkan untuk dilantik dan menyampaikan notis mengenainya di bawah perenggan (b) cerai (1) atas alasan bahawa pada pendapatnya orang itu adalah bukan seorang yang layak dan sesuai untuk dilantik demikian, tetapi sebelum menyampaikan notis itu Menteri hendaklah menyampaikan kepada syarikat

kewangan itu dan kepada orang itu suatu notis permulaan secara bertulis yang menyatakan —

(a) bahawa Menteri sedang menimbangkan penyampaian kepada syarikat kewangan itu suatu notis bantahan atas alasan itu; dan

(b) bahawa syarikat kewangan itu dan orang itu boleh, dalam masa satu bulan dari tarikh penyampaian notis permulaan itu, membuat pernyataan secara bertulis kepada Menteri.

(4) Menteri tidak boleh dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa butir alasan yang atasnya dia sedang menimbangkan penyampaian notis bantahan itu atau yang atasnya dia menyampaikan notis bantahan itu.

(5) Jika pernyataan dibuat menurut bab ini Menteri hendaklah mengambil kira pernyataan itu dalam memutuskan sama ada untuk menyampaikan notis bantahan itu."

Pindaan bab 39.

14. Bab 39 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam perenggan kecil (ii) perenggan (b) ceraian (1), dengan memasukkan "atau perniagaan pembiayaan Islam" sejurus selepas "perniagaan urusan kewangan" dalam baris kedua;

(b) dalam ceraian (2), dengan memasukkan "atau perniagaan pembiayaan Islam" sejurus selepas "perniagaan urusan kewangan" dalam baris kedua.

Pindaan bab 40.

15. Bab 40 dari Akta itu adalah dipinda, dalam ceraian (1), dengan memasukkan "atau kemudahan kredit" sejurus selepas "pinjaman" dalam baris kelapan.

Tambahan bab 44 baru.

16. Akta itu adalah dipinda dengan menambah bab baru yang berikut —

"Memorandum dan tataurusan syarikat bagi perniagaan pembiayaan Islam. .

44. (1) Tiada lesen boleh diberikan oleh Menteri kepada suatu syarikat kewangan untuk menjalankan perniagaan pembiayaan Islam di bawah Akta ini melainkan jika syarikat kewangan itu telah masukkan dalam memorandum syarikat dan tataurusan syarikatnya sekatan-sekatan, batasan-

batasan dan larangan-larangan yang terkandung dalam bab-bab 18, 19, 20 dan 22.

(2) Tiap-tiap syarikat yang telah menjalankan perniagaan pembiayaan Islam sebelum permulaan kuatkuasa Perintah Akta Syarikat-Syarikat Kewangan (Pindaan), 2006 adalah dianggap telah memasukkan dalam memorandum syarikat dan tataurusan syarikatnya sekatan-sekatan, batasan-batasan dan larangan-larangan yang terkandung dalam bab-bab 18, 19, 20 dan 22.

(3) Setakat mana sebarang sekatan, batasan atau larangan yang dianggap telah dimasukkan dalam memorandum syarikat dan tataurusan syarikat di bawah ceraiian (2), adalah bertentangan dengan sebarang peruntukan yang telah pun dimasukkan dalam memorandum syarikat dan tataurusan syarikat, maka sekatan, batasan atau larangan itu hendaklah mengatasi sebarang peruntukan tersebut."

Diperbuat pada hari ini 4 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1427 bersamaan dengan 4 haribulan Mac, 2006 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM